

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HST 422 Pendudukan Jepun di Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab **EMPAT(4)** soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauh manakah hubungan Jepun-Asia Tenggara sebelum 1941 dipengaruhi oleh kehendak-kehendak politik Jepun? Perbincangan mestilah merujuk kepada mana-mana negeri di Asia Tenggara.

2. "Jepun berjaya mendapatkan kerjasama golongan elit tempatan kerana propagandanya".

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada perkembangan pentadbiran tentera sama ada di Filipina atau Burma.

3. Sejauh manakah Jepun berjaya menggunakan agama untuk mencapai tujuan politiknya? Perbincangan boleh merujuk sama ada kepada Budhisme atau agama Islam.

4. "Seringkali dikatakan bahawa sumbangan terbesar Jepun kepada perkembangan nasionalisme tempatan ialah melalui penubuhan pasukan-pasukan tentera pribumi".

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada Burma atau Indonesia.

5. "Penting atau tidaknya seseorang pemimpin politik tempatan selepas 1945 bukan diakibatkan oleh pendudukan Jepun tetapi ditentukan oleh tindakbalas kerajaan Barat".

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada mana-mana negeri di Asia Tenggara.

6. "Pengadilan mahkamah ke atas pegawai-pegawai tentera Jepun serta penyelesaian kepada hutang darah telah memulakan imperialisme ekonomi Jepun ke rantau Asia Tenggara".

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada hubungan Jepun dengan salah sebuah negeri di Asia Tenggara selepas 1945.

7. "Zaman Jepun merupakan satu kesinambungan dengan zaman sebelumnya".

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada mana-mana negeri di Asia Tenggara.

-ooooooo-